



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**APLIKASI TEORI DAN FORMAT PENYUNTINGAN BAHAN LINEAR  
DALAM SURAT KHABAR BAHASA MELAYU**

**SHARIL NIZAM BIN SHA'RI  
FBMK 2010 11**



**APLIKASI TEORI DAN FORMAT  
PENYUNTINGAN BAHAN LINEAR DALAM  
SURAT KHABAR BAHASA MELAYU**

**SHARIL NIZAM BIN SHA'RI**

**IJAZAH DOKTOR FALSAFAH  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**2010**



**APLIKASI TEORI DAN FORMAT PENYUNTINGAN BAHAN LINEAR  
DALAM SURAT KHABAR BAHASA MELAYU**

**Oleh**

**SHARIL NIZAM BIN SHA'RI**

**Tesis ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

**April 2010**



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**APLIKASI TEORI DAN FORMAT PENYUNTINGAN BAHAN LINEAR  
DALAM SURAT KHABAR BAHASA MELAYU**

Oleh

**SHARIL NIZAM BIN SHA'RI**

**April 2010**

**Pengerusi : Noor Aina Dani (PhD)**

**Fakulti : Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi**

Rakyat Malaysia tiada panduan khusus untuk membeli surat khabar yang dapat mencambah ilmu pengetahuan. Oleh itu, penyelidikan ini dijalankan dengan tujuan untuk mengetahui aplikasi teori dan format penyuntingan berita yang diterbitkan di dalam surat khabar supaya dapat dimanfaatkan umum. Penyelidikan berasaskan penelitian aplikasi Teori Tanggungjawab Sosial dengan Teori Libertarian yang terkandung dalam bahan linear surat khabar bahasa Melayu di Malaysia. Keberkesanan format penyuntingan berita juga dilakukan dengan menilai penggunaan Format Piramid Terbalik. Penyelidikan ini dijalankan dengan menjadikan sebanyak 215 naskhah surat khabar Mingguan Malaysia, Berita Minggu, Metro Ahad, Kosmo! Ahad dan Sinar Harian bulan Januari sehingga Oktober 2009 sebagai sampel. Dapatan penyelidikan diperoleh daripada kaedah analisis kandungan terhadap bahan linear surat khabar hari ahad yang berdasarkan aspek teori dan penyuntingannya.



Aspek penyuntingan berita menunjukkan bahawa Format Piramid Terbalik perlu digunakan secara berkesan dengan memastikan aturan nilai berita secara strategik sehingga menjadi struktur berita yang lengkap dan padat. Elemen '5W dan 1H', iaitu apa (*what*), di mana (*where*), siapa (*who*), kenapa (*why*), bila (*when*) dan bagaimana (*how*) hendaklah dikenal pasti dan dijadikan 'bahan mentah' sebagai keperluan asas untuk menulis berita. Kebijaksanaan seseorang penulis berita dalam kemahiran ini dapat mempertingkatkan kualiti berita yang dihasilkan.

Penyelidikan ini mendapati bahawa teori Tanggungjawab Sosial lebih kerap digunakan sebagai teori penulisan berita kerana aplikasinya memenuhi kehendak berita bertulis yang diinginkan oleh masyarakat di negara ini. Namun begitu, teori Libertarian masih juga digunakan dalam menulis berita untuk memastikan maklumat yang disampaikan dengan jelas kepada masyarakat.

Didapati, pendulu berita atau perenggan pertama sesetiap berita menjadi tarikan utama kepada pembaca untuk memahami idea utama berita yang ditulis oleh penulis berita. Pendulu yang hebat dengan mengandungi fakta penting diolah dengan kemas dan mudah sehingga menghasilkan perenggan yang menyatukan bahasa dengan nilai kemanusiaan yang jitu. Penetapan tajuk berita yang tepat, menarik dan berkesan bagi sesebuah berita perlu dipraktikkan dan merangsang pancaindera pembaca untuk menghadapi persaingan pelbagai jenis surat khabar di negara ini.

Keperluan meletakkan gambar yang informatif dengan keterangannya (*caption*) perlu dititikberatkan untuk meningkatkan fahaman pembaca terhadap berita yang dibaca. Aspek kualiti berita dan fahaman berita yang seterusnya mencambah pengetahuan berguna kepada pembaca dapat dicapai secara tekal dengan menjadikan teori dan praktikal menulis berita sebagai amalan dunia berita. Kemahiran dan penguasaan bahasa yang tinggi sangat diperlukan untuk menerapkan aplikasi teori dan mempraktikkan format penyuntingan sesuatu berita. Penggunaan bahasa yang tepat, standard dan segar akan menghasilkan berita yang berpengaruh, diminati dan sukar dilupakan oleh pembaca.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia  
In fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**APPLICATION OF THEORY AND LINEAR CONTENT EDITING  
FORMAT IN MALAY LANGUAGE NEWSPAPERS**

By

**SHARIL NIZAM BIN SHA'RI**

**April 2010**

**Chair: Noor Aina Dani (PhD)**

**Faculty: Modern Language and Communication**

Malaysians lack specific guideline for buying newspapers which can help generate knowledge. Accordingly, this research is carried out with an objective of finding out the application of theory and editing format of news published in newspapers for the benefit of the public. The research is based on the study on the application of Social Responsibility Theory and Libertarian Theory contained in linear content in Malay-language newspapers in Malaysia. The effectiveness of news editing format is also determined through evaluation of the 'Inverted Pyramid' format being applied. This research has been carried out using 215 issues of newspapers comprising Mingguan Malaysia, Berita Minggu, Metro Ahad, Kosmo Ahad! and Sinar Harian for the month of January to October 2009 as samples. Findings of this study are obtained through content analysis methodology on linear content of these Sunday newspapers, from the aspects of theory and editing.



News editing aspect indicates that the ‘Inverted Pyramid’ format must be used effectively to ensure news values are strategically aligned to form news structure that is complete and concise. The elements of ‘5W and 1H’ – *what, where, who, why, when* and *how* – must be identified and used as the ‘raw ingredients’ as the basic necessity for writing news. This research finds that the Social Responsibility Theory is being used more often as it fulfils the criteria of printed news as desired by the society in the country. Nevertheless, the Libertarian Theory is also applied in news writing to ensure that information is conveyed clearly to the society. Wisdom a news writer in applying this expertise helps increase the quality of the news produced.

It is also evident that the introduction, or the first paragraph, of each news item is the main draw for readers to grasp the main ideas of the news written by the writer. A great introduction is one which contains the key facts that are neatly structured in a simple manner, resulting in a paragraph that is able to precisely combine linguistic and humanity values. The choice of accurate, catchy and effective headlines must be practiced and used to stimulate readers’ senses in the face of competition among various newspapers in the country.

The need to include informative pictures and relevant captions must be emphasised on to enable better understanding on the news among readers. The aspects of news quality and comprehension, which subsequently generate beneficial knowledge to readers, can be achieved consistently by making news writing theory and practical





as standard practice in the world of news. A high-level of linguistic skills and strong command of language is highly needed to instil application of theory and practical in news editing format. Accurate use of language, adherence to standards and freshness will produce influential, appealing and hard-to-forget news items.



## PENGHARGAAN

Lafaz syukur sepanjang hayat ke hadrat Allah SWT yang ‘menjanjikan’ dan membekalkan kekuatan dan ketabahan kepada saya untuk menyiapkan penulisan tesis ini. Cabaran sepanjang tempoh ‘perjuangan’ ini mendekatkan lagi diri kepada MU yang Maha Pencipta lagi Maha Mengasihi.

Seharum narwastu, serungkai kata ‘terima kasih segalanya’ kepada Profesor Madya Dr. Noor Aina Dani selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan Tesis yang sentiasa tekun membimbing, menunjuk ajar dan memberi kata-kata semangat kepada saya untuk menyiapkan penulisan ini. Tidak dilupakan, ucapan terima kasih di atas kerjasama yang diberikan oleh Dr. Vijayaletchumy a/p Subramaniam dan Dr. Abdul Rashid Daing Melebek sebagai Jawatankuasa Penyeliaan Tesis. Bicara indah ‘terima kasih’ juga kepada semua pendidik yang pernah mendidik saya sehingga ke hari ini.

Setulus kata, segunung kasih abadi kepada abah (Sha’ri Alooi) dan emak (Jamaliah Ibas) yang sangat memahami diri ini dan berkat iringan doa kalian sentiasa menemani hidup ini. Kepayahan membesarkan dan didikan kalian tidak dapat dipisahkan daripada darah perjuangan hidup ini. Senyuman dan harapan kalian sentiasa mekar dalam diri ini untuk terus mengejar kejayaan di dunia dan di akhirat.



Teman istimewa, Roziah Ibrahim, kasih sayang dan pengorbananmu sebagai seorang isteri amat dihargai. Segala ketabahanmu melihat ‘pertarungan’ masa bersamaku untuk menyiapkan tesis ini tidak dapat dizahirkan dengan kata-kata. Kehadiran dirimu dalam hidupku sangat dihargai sepanjang hayat. Kepada cahaya mata, Nur Dhania Imani dan Nur Damia Aisyah, semoga legasi ilmu ini dapat menyinari hidup kita sekeluarga. ‘Jauh di mata, dekat di hati’ buat kakak (Sarina Sha’ri), abang (Sharul Anuar Sha’ri) dan adik (Mohd Sharizan Sha’ri), terima kasih kerana sanggup bersama-sama menempuh waktu sukar selama ini, Kepada semua ahli keluarga mertua (Ibrahim Habib dan Soleha Alias). Kejauhan menuntut ilmu ini, tidak melunturkan ikatan kekeluargaan kita.





Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Noor Aina Dani, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Vijayaletchumy a/p Subramaniam, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Abdul Rashid Daing Melebek, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**HASANAH MOHD GHAZALI, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh : 15 Julai 2010



## **PERAKUAN**

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain.

---

**SHARIL NIZAM BIN SHA'RI**

Tarikh: 20 April 2010



## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>ABSTRAK</b>	iii
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>PENGHARGAAN</b>	ix
<b>PENGESAHAN</b>	xi
<b>PERAKUAN</b>	xiii
<b>KANDUNGAN</b>	xiv
<b>SENARAI JADUAL</b>	xvii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xviii

### BAB

<b>I</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	1
	Latar Belakang Kajian	1
	Pendekatan Teori	5
	Pernyataan Masalah	9
	Kepentingan Kajian	14
	Objektif Kajian	18
	Skop Kajian	18
	Definisi Operasional	22
<b>II</b>	<b>SOROTAN LITERATUR</b>	25
	Sorotan Umum	25
	Sorotan tentang Sejarah Surat Khabar	37
	Sorotan tentang Ciri Surat Khabar	43
	Latar Belakang Utusan Malaysia	45
	Latar Belakang Berita Harian	49
	Latar Belakang Harian Metro	50
	Latar Belakang Kosmo!	52
	Latar Belakang Sinar Harian	55
	Sorotan tentang Format Piramid Terbalik	56
	Sorotan tentang Penyuntingan dalam Penerbitan	62
	Sorotan tentang Laras dalam Pembinaan Wacana Berita	71
	Sorotan tentang Retorik Judul Berita	74
	Sorotan tentang Struktur Laporan Surat Khabar	80
	Rumusan Sorotan Kajian	88



<b>III</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	92
	Reka Bentuk Kajian	92
	Kerangka Teori	92
	Kerangka Konseptual	95
	Kaedah Kajian	96
	Alat Kajian	97
	Tempat Kajian	98
	Subjek Kajian	99
	Pemboleh Ubah Kajian	100
	Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian	101
	Tatacara Kajian	101
	Penganalisan Data	103
<b>IV</b>	<b>HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	111
	Kebaikan dan Keburukan Penggunaan Format Piramid Terbalik dalam Penulisan Berita untuk Bahan Linear dalam Surat Khabar Bahasa Melayu	111
	Mingguan Malaysia	112
	Berita Minggu	114
	Metro Ahad	115
	Kosmo! Ahad	117
	Sinar Harian	119
	Kebaikan dan Keburukan Format Piramid Terbalik Aplikasi Teori Tanggungjawab Sosial dan Teori Libertarian yang Terkandung dalam Berita Bahan Linear Surat Khabar Bahasa Melayu	123
	Pemilihan Kata bagi Tajuk Berita Teori Libertarian	125
	Pemilihan Kata bagi Tajuk Berita Teori Tanggungjawab Sosial	128
	Rasional Penggunaan Teori Libertarian dan Teori Tanggungjawab Sosial	131
	Formula Penyuntingan Bahan yang Berdaya Maju untuk Berita Surat Khabar Bahasa Melayu	133
	Formula Penyuntingan Bahan	134
	Potongan Kad Berita	134
	Template 5W 1H	138
	Borang Penetapan Berita	142
	Teknik Perenggan Berita	147
	Pilihan Pendulu Berkesan	150
	Penetapan Tajuk Berita	153
	Pautan Kata dan Ayat	156
	Pedoman Kata Berita	158
	Asas Gambar Berita	160
	Konsep Berita Semudah Bahasa	163



<b>V</b>	<b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	166
	Rumusan Penggunaan Format Piramid Terbalik	166
	Rumusan Aplikasi Teori Tanggungjawab Sosial dan Teori Libertarian	167
	Rumusan Formula Penyuntingan Bahan	168
	Cadangan Mempertingkatkan Penulisan Berita untuk Surat Khabar Bahasa Melayu	168
	Cadangan Mempertingkatkan Penggunaan Format Piramid Terbalik	169
	Cadangan Mempertingkatkan Aplikasi Teori Libertarian dan Teori Tanggungjawab Sosial	170
	Cadangan Mempertingkatkan Penggunaan Formula Penyuntingan Bahan	171
	Cadangan Penyelidikan Selanjutnya	171
	Implikasi Penyelidikan	172
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	175
LAMPIRAN A	Jumlah Data Mengikut Surat Khabar yang Dikaji	180
LAMPIRAN B	Jumlah Teori Mengikut Surat Khabar yang Dikaji	186
LAMPIRAN C	Jumlah Keseluruhan Teori yang Dikaji	207
LAMPIRAN D	Respons Pensyarah dan Wartawan	209
LAMPIRAN E	Muka Hadapan Semua Surat Khabar yang Dikaji	213
LAMPIRAN F	Contoh Berita Mengikut Bentuk Pendulu	219
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	225



## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>		<b>Muka Surat</b>
1.1	Rasional Teori Libertarian dan Teori Tanggungjawab Sosial	8
4.1	Kebaikan dan Keburukan Penggunaan Format Piramid Terbalik	122
4.2	Jumlah Keseluruhan Berita Teori Libertarian dan Teori Tanggungjawab Sosial	124
4.3	Jumlah Berita Teori Libertarian dan Teori Tanggungjawab Sosial Berdasarkan Bulan yang Dipilih Secara Rawak	125
4.4	Ciri Berita yang Menggunakan Teori Libertarian dan Teori Tanggungjawab Sosial	131
4.5	Fokus Penggunaan Teori Libertarian di dalam Berita Surat Khabar Bahasa Melayu	132
4.6	Fokus Penggunaan Teori Tanggungjawab Sosial dalam Berita Surat Khabar Bahasa Melayu	133



## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Muka Surat</b>
1.1	Gambaran Format Piramid Terbalik	4
1.2	<i>Masthead</i> Sampel Surat Khabar yang Dikaji	19
2.1	Gambaran Format Piramid Terbalik	58
2.2	Pertalian Kajian Terdahulu dengan Kajian Penyelidik	90
3.1	Model Konseptual Analisis Kandungan Surat Khabar	95
3.2	Proses Kerja Menentukan Kebaikan dan Keburukan Penggunaan Format Piramid Terbalik dalam Penulisan Berita Bahan Linear Surat Khabar Bahasa Melayu	106
3.3	Proses Kerja Membandingkan Aplikasi Teori Libertarian dengan Teori Tanggungjawab Sosial yang Terkandung dalam Bahan Linear Berita Surat Khabar Bahasa Melayu	108
3.4	Proses Kerja Menghasilkan Formula Penyuntingan Bahan Linear yang Berdaya Maju untuk Surat Khabar Bahasa Melayu	110
4.1	Formula Penyuntingan Bahan Berbentuk Potongan Kad Berita	134
4.2	Aplikasi Formula Penyuntingan Bahan Berbentuk Potongan Kad Berita	137
4.3	Formula Penyuntingan Bahan Berbentuk Template 5W 1H	139
4.4	Aplikasi Formula Penyuntingan Bahan Berbentuk Template 5W 1H	141
4.5	Formula Penyuntingan Bahan Berbentuk Borang Penetapan Berita	143
4.6	Penggunaan Formula Berbentuk Borang Penetapan Berita bagi Surat Khabar Sinar Harian yang Bertarikh 23 Ogos 2009	145
4.7	Formula Penyuntingan Bahan Berbentuk Teknik Perenggan Berita	148
4.8	Aplikasi Formula Penyuntingan Bahan Berbentuk Teknik Perenggan Berita	149



4.9	Formula Penyuntingan Bahan Berbentuk Pilihan Pendulu Berkesan	151
4.10	Formula Penyuntingan Bahan Berbentuk Penetapan Tajuk Berita	154
4.11	Formula Penyuntingan Bahan Berbentuk Pautan Kata dan Ayat	156
4.12	Formula Penyuntingan Bahan Berbentuk Pedoman Kata Berita	158
4.13	Formula Penyuntingan Bahan Berbentuk Asas Gambar Berita	161
4.14	Formula Penyuntingan Bahan Berbentuk Konsep Berita Semudah Bahasa	164



# **BAB I**

## **PENDAHULUAN**

### **Latar Belakang Kajian**

#### **Pengertian Berita**

Pelbagai pengertian berita telah diberikan oleh pakar dalam bidang kewartawanan. MacDougall (1972:12) berpendapat bahawa berita merupakan laporan tentang sesuatu kejadian dan bukan kejadian itu sendiri. Tafsiran secara umum, berita merupakan maklumat, kisah atau laporan tentang sesuatu kejadian yang sudah, sedang dan akan berlaku. Berita berbentuk maklumat terbaru yang penting dan perlu disebarkan kepada pembaca. Secara fizikalnya, berita dianggap sebagai kisah atau kejadian yang baru berlaku yang disusun secara luar biasa mengikut etika kewartawanan.

Analogi yang popular dan sering digunakan dalam kalangan masyarakat untuk mentakrifkan berita ialah, “Sekiranya seekor anjing menggigit manusia, itu bukanlah berita, tetapi apabila seorang manusia menggigit anjing, itulah berita”. Penulisan berita merupakan bahagian terpenting dalam kewartawanan. Lebih daripada separuh bahan yang terkandung di dalam surat khabar untuk dibaca oleh pembaca adalah berbentuk berita. Surat khabar juga turut mengandungi rencana, esei, kartun, ruangan iklan, dan sebagainya.

Berita ialah maklumat terbaru untuk pembaca dan sekiranya maklumat itu tidak wujud, tidak dapat menggerakkan masyarakat untuk berfikir (Charnley, 1966:6). Berita

merupakan suatu laporan ringkas, tepat tentang sesuatu perkara, yang ditulis bukan sekadar untuk memenuhi naluri ingin tahu masyarakat pembaca tentang perkara luar biasa dan menakjubkan. Penyunting berita berperanan dan berkewajipan menulis berita yang menyokong pembangunan dan pertahanan negara.

Justeru, pelbagai jenis berita dan gaya penulisan yang berbeza-beza mencetuskan medan maklumat yang perlu disaring oleh seseorang pembaca. Memahami peranan ini dengan lebih dekat lagi, struktur garapan berita berasaskan Format Piramid Terbalik, panduan asas yang mendasari tema berita dan aplikasi disiplin ilmu penyuntingan yang praktikal perlu diteliti untuk memahami penerbitan berita bagi sesebuah surat khabar.

### **Peranan Surat Khabar**

Surat khabar dianggap sebagai pembina yang diterbitkan setiap hari bukan sekadar paparan berita kepada semua anggota masyarakat. Surat khabar memainkan peranan yang besar dalam kehidupan manusia (Kassim Ahmad, 2005:26). Malahan, dianggap salah satu bahagian daripada anggota masyarakat, rakyat, negara dan bangsa. Ibarat lagu dan irama, jika dipisahkan maka pincanglah ia (A. Samad Ismail, 1989:10).

Dari aspek sosial dan psikologi, ternyata surat khabar mempunyai peranan media yang berkesan. Peranannya sebagai teman membawa pelbagai berita dan maklumat terkini, mengisi masa lapang, mengubat kesepian dan kekecewaan, membina dan memberi harga diri, memberi pengaruh, memberi ilham dan perangsang serta mencari

penyelesaian. Dalam jangka masa panjang, hubungan antara media dan masyarakat ‘khalayak’ ditentukan oleh faktor ilham dan hubungan antara faktor satu sama lain (Mohd. Hamdan Haji Adnan, 1995:23).

Di Malaysia, kebanyakan berita dalam surat khabar ialah campuran beberapa ciri yang mempunyai erti dalam usaha membangunkan masyarakat dan negara sejajar dengan falsafah Rukun Negara. Seterusnya, penulis berita memainkan peranan penting melalui penulisan berita dengan menyediakan dan menyokong rakyat mengubah suai diri dalam menghadapi perubahan hasil kepesatan pembangunan negara. Pendek kata, penulis berita bukan sekadar melaporkan kejadian harian malah membantu pembaca memahami matlamat dan aspirasi negara. Ibnu kaldun menyenaraikan petua untuk menjadi seorang penulis berita yang baik, antaranya ialah berkebolehan mengkaji dan menganalisis segala peristiwa yang dilaporkan dari sudut punca, pengaruh dan kesan ke atas masyarakat, berkebolehan mengumpul maklumat dari sumber tertentu untuk memahami dan mentafsir masyarakat yang diawasi, memahami watak, corak dan peristiwa yang dihasilkan ke atas masyarakat serta membuat pengadilan moral ke atas nilai yang baik dan buruk terhadap masyarakat (Mansor Ahmad Saman, 1995:67).


### **Format Penyuntingan Bahan Linear** **Format Piramid Terbalik**

Bahan linear ialah teks atau prosa yang terdapat dalam surat khabar dan memerlukan pembaca memahaminya dengan menganalisis maklumat yang ditulis dalam bentuk teks. Untuk mencapai objektif kajian, penyelidik menggunakan format penyuntingan Piramid

Terbalik. Penggunaan Format Piramid Terbalik sebagai panduan menulis berita yang mudah dan berkesan. Format ini meletakkan maklumat yang tinggi nilainya pada bahagian awal cerita, sementara maklumat yang mempunyai nilai berita yang rendah di bahagian akhir. Setiap penulis berita dan penyunting berita perlu menguasai kemahiran penggunaan Format Piramid Terbalik untuk menghasilkan berita yang berkualiti dan menyuburkan pengetahuan kepada minda masyarakat pembaca.

Sebagai asas penulisan berita yang dilihat dari perspektif kewartawanan, seseorang penulis berita itu perlulah terlebih dahulu berlatih dan menggunakan pendekatan asas yang tekak. Pendekatan penulisan dan pengolahan berita yang dianggap mudah dalam dunia kewartawanan adalah menggunakan Format Piramid Terbalik.

Untuk menggunakan Format Piramid Terbalik, seseorang perlu mengetahui lukisan gambar rajah tiga segi terbalik dengan bahagian yang tajam berada di bawah dan bahagian lebar berada di bahagian atas (lihat Rajah 1.1).



**Rajah 1.1 : Gambaran Format Piramid Terbalik**

Sumber : Joao Canavilhas, University of Beira Interior Covilha, Portugal



Bahagian lebar menggambarkan maklumat yang mempunyai nilai berita yang tinggi, sementara bahagian tajam di bawah merupakan maklumat yang mempunyai nilai berita yang rendah. Apabila seseorang menulis atau mengolah berita menggunakan Format Piramid Terbalik, mereka meletakkan maklumat yang tinggi nilainya pada bahagian awal cerita, sementara maklumat yang mempunyai nilai berita yang rendah di bahagian akhir. Seseorang penulis berita itu perlu menggunakan skala nilai berita berdasarkan tanggapan diri sendiri untuk membuat penentuan bahawa sesuatu maklumat bernilai tinggi atau rendah.

### **Pendekatan Teori Teori Persuratkhabaran**

Perkembangan media massa di Malaysia semakin hari semakin meningkat seiring dengan kemajuan negara. Kesedaran dalam kalangan masyarakat untuk mendapatkan maklumat telah menggalakkan perkembangan dan pembangunan dunia media, sama ada media cetak ataupun media elektronik secara drastik. Jika televisyen dianggap sebagai medium utama penyampaian maklumat media elektronik, surat khabar pula ialah saluran yang paling mendapat perhatian masyarakat berbanding dengan media cetak yang lain.

Kemunculan surat khabar memberikan peluang majoriti ahli masyarakat untuk mendapatkan maklumat dan seterusnya dapat mengurangkan jurang perbezaan perolehan maklumat dalam kelompok masyarakat. Keberkesanan peranan surat khabar memang tidak dapat dinafikan selepas televisyen. Dianggarkan bahawa pada tahun 1993, penjualan surat khabar telah